

MOHAMMAD NATSIR

BERDAKWAH
DI JALUR POLITIK
BERPOLITIK
DI JALUR DAKWAH

DITERBITKAN SEMPENA

100 *tahun*
SEMINAR SERANTAU
MEMPERINGATI

PAHLAWAN NASIONAL
BAPAK MOHAMMAD
NATSIR

9.008
IOH



PENERBIT BERSAMA


WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA (WADAH) & KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA









MOHAMMAD NATSIR
(1908-1993)



MOHAMMAD NATSIR BERDAKWAH DI JALUR POLITIK BERPOLITIK DI JALUR DAKWAH

PENERBIT BERSAMA
WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA (WADAH)
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

DENGAN SUMBANGAN



LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

PUSTAKA PERDANA



1008295



Cetakan Pertama 2009

ISBN 978-983-44429-0-3

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya, kecuali setelah mendapat izin bertulis daripada WADAH dan KUIS

Sidang Editor

Mohd Asri Abdul
Mohd Halimi Abdul Hamid
Dr. Rahmah Hashim

Rekabentuk dan Susun atur

Rashdi Mokhtar
Mohd Halimi Abdul Hamid

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohammad Natsir . Berdakwah Di Jalur Politik, Berpolitik Di Jalur Dakwah
ISBN 978-983-44429-0-3

Diterbitkan bersama oleh.

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)
No 8, Jalan Surada 1, Taman Desa Surada, Seksyen 8,
43650 Bandar Baru Bangi SELANGOR
Tel: 03-8925 2344 Faks 03-8922 2561

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, Bangi 43000 Kajang SELANGOR
Tel : 03-8925 4251 Faks 03-8925 4418

Dengan Kerjasama :

Lembaga Zakat Selangor
Aras 9 & 10, Menara Selatan
Bagunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid
40000 Shah Alam SELANGOR
Tel : 03-5522 7700 Faks 03-5522 7722

Dicetak oleh
DJ Inovatif Sdn Bhd
Jalan Sultan Abdul Samad
Off Jalan Tun Sambanthan
50470 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan

959.008

MOH

PRAKATA EDITOR

SYUKUR ALHAMDULILLAH, kerana kerja-kerja mengumpulkan bahan dan menyuntingnya untuk penerbitan ini dapat dilaksanakan dengan lancar meskipun dalam tempoh yang agak terbatas. Selaku JK Kecil Penerbitan Buku 100 Tahun untuk Seminar Serantau Memperingati 100 Tahun Bapak Mohammad Natsir, kami berasa bangga diberi kepercayaan oleh JK Induk Seminar untuk menyiapkan buku ini supaya dapat dilancarkan sempena Seminar tersebut.

Sebaik saja amanah ini diterima, tumpuan kami adalah mengumpulkan bahan-bahan yang ditulis oleh penulis-penulis Malaysia tetapi belum diterbitkan dalam bentuk buku. Rencana yang kami kumpulkan ini sebahagiannya adalah kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pemikiran dan Perjuangan Mohammad Natsir yang diadakan di Kuala Lumpur dan juga Pulau Pinang pada tahun 1993 dan di Bukittinggi, Sumatera Barat pada tahun 2005. Ada dua rencana yang telah dimuatkan dalam penerbitan lain, iaitu akhbar *Berita Harian* dan majalah *Tempo* di samping rencana yang ditulis khusus untuk penerbitan buku ini.

Selain itu, kami juga memuatkan tulisan daripada dua penulis Indonesia yang tak asing lagi dengan kita. Yang pertama ialah kertas kerja Dr. Mohammad Noer yang turut dibentangkan di seminar pada tahun 1993 sedang yang satu lagi adalah rencana Dr. Deliar Noer yang telah dimuatkan dalam majalah *Media Dakwah* pada tahun 1991.

Artikel-artikel ini dibahagikan kepada beberapa jenis – ada yang bersifat apresiasi secara peribadi maupun kelompok terhadap Bapak Mohammad Natsir, ada yang menilai beliau sebagai tokoh politik dan negarawan, ada yang memberi tumpuan kepada kemampuan intelektualnya, sedang ada pula yang melihat dari sudut penglibatannya dalam dunia pendidikan dan dakwah. Mungkin satu aspek daripada kehidupannya yang tidak dibicarakan secara khusus oleh mana-mana penulis ialah usahanya untuk melahirkan kerukunan hidup antar-agama terutamanya dalam konteks dialog Islam-Kristian.

Di kalangan penulis, ada yang berkesempatan untuk berinteraksi dengan tokoh secara yang bererti, ada pula yang tidak. Tentulah tidak sama penghayatan kedua golongan ini terhadap tokoh yang dibicarakan. Namun, tetaplh hubungan emosi dengan tokoh ini segera terjalin setelah membaca karya-karya beliau yang mengkagumkan seperti *Fiqhud Dakwah, Agama dan Negara dalam Perspektif Islam*, serta *Capita Selecta*. Pembaca terutamanya akan mengkagumi *Capita Selecta* yang merupakan kumpulan tulisan-tulisannya dalam pelbagai majalah, apabila menyedari bahawa Mohammad Natsir menulis rencana-rencana tersebut pada usianya yang masih muda, iaitu hujung 20an atau awal 30an. Buku-buku ini adalah karya-karya *evergreen* yang akan menyentuh siapa pun yang membacanya, terutamanya kalangan yang mempunyai agenda besar untuk membawa perubahan kepada dunia ini.

Dalam pada itu, kami juga mencari-cari beberapa tulisan Pak Natsir untuk dimuatkan dalam buku ini. Tumpuan diberikan kepada tulisannya yang sebelum ini hanya dimuatkan dalam media yang terbatas edarannya. Kami temui tiga artikel. Yang pertama adalah tazkirah yang disampaikan beliau kepada anggota ABIM sewaktu lawatannya ke Malaysia pada tahun 1976; yang kedua adalah khutbah Jumaat yang disampaikan di Masjid Negara sempena lawatan yang sama; dan yang ketiga ialah pidato beliau di Muktamar Alam Islami di Cyprus, tahun 1979. Ketiga-tiga artikel ini barangkali mewakili peranan beliau di fasa terakhir kehidupannya sebagai pemimpin organisasi yang mendidik generasi muda, sebagai nurani umat yang membimbing masyarakat, dan sebagai tokoh badan Islam yang menyuarakan aspirasi umat Islam di medan diplomasi antarabangsa. Dari segi urutannya dalam buku ini, artukel-artikel yang beliau tulis ini didahulukan barulah disusuli oleh tulisan-tulisan mengenai beliau.

Buku ini juga dilengkapi dengan gambar-gambar yang mewakili spektrum yang luas daripada kehidupan Mohammad Natsir. Ada yang bersifat peribadi, ada yang merakamkan pelbagai kegiatannya sebagai tokoh parti, ada pula yang mewakili tugas-tugas kenegaraan beliau. Di samping itu, ada juga rakaman beliau sebagai pemimpin organisasi Islam di peringkat nasional maupun antarabangsa, serta penglibatan beliau dalam peristiwa yang dikenali sebagai Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia (PRRI) di waktu berlakunya kemelut politik di Indonesia. Kami berterima kasih kepada Dr. Rahmat Ismail dan Panitia Peringatan Refleksi Seabad M Natsir: Pemikiran dan Perjuangannya, kedua-dua pihak dari Indonesia, kerana mengizinkan kami menggunakan koleksi foto dan bahan mereka untuk dimuatkan dalam buku ini.

Sekali lagi kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kerja-kerja ini dapat disiapkan menurut jadual. Selain itu, kami berterima kasih kepada penulis-penulis artikel yang memberikan kerjasama mereka agar artikel mereka dapat diterbitkan dalam buku ini. Kami juga berterima kasih kepada pihak Berita Harian dan majalah Tempo yang memberi izin kepada kami menerbitkan semula karya yang berkenaan. Tidak lupa kami menyampaikan terima kasih khusus kepada Fathiah Makhtar